

08 JAN 1999

MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat MT

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi Umno, yang pertama untuk tahun 1999.

Mesyuarat itu yang berlangsung di Ibu Pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini dijangka membincangkan tentang kedudukan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib yang sedang bercuti daripada menjalankan tugas-tugas Naib Presiden parti.

Muhammad, yang dibebaskan daripada satu tuduhan rasuah oleh Mahkamah Tinggi di sini pada 29 Dis lepas, telah menghantar surat kepada Dr Mahathir selaku Presiden Umno untuk menamatkan cutinya dan kembali aktif dalam parti.

Muhammad dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi setelah didapati tidak bersalah terhadap tuduhan gagal mengisytiharkan harta miliknya dan keluarga mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961.

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah bagaimanapun telah mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Rayuan di sini pada Selasa lepas terhadap keputusan Mahkamah Tinggi itu.

Dr Mahathir juga akan berbuka puasa bersama para anggota MT malam ini di tempat yang sama.

-- BERNAMA

AFY MAI